**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
# 08 DISEMBER 2017 (JUMAAT)


| AKHBAR | MUKA SURAT |
| --- | --- |
| **Sinar Harian** | |
| - Kerja baik pulih longkang perlu ikut peraturan | 21 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>08 DISEMBER 2017 (JUMAAT)** | |
|---|---|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | Kerja baik pulih longkang perlu ikut peraturan |
| Muka Surat | 21 |



# Kerja baik pulih longkang perlu ikut peraturan

**TAMAN CHERAS INDAH** – Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) sedia maklum berhubung aduan penduduk berkaitan longkang pecah dan runtuh sehingga menyekat aliran air di kawasan perumahan mereka.

Pegawai Komunikasi Korporat MPAJ, Norhayati Ahmad berkata, isu yang dibangkitkan penduduk telah dimasukkan dalam program baik pulih longkang.

"Kita akan laksanakan kerja baik pulih longkang ini secepat mungkin, namun ia perlu ikut peraturan proses kerja," katanya.

Menurutnya, akar beberapa pokok besar dipercayai menyebabkan dinding longkang berkenaan pecah dan runtuh.

"Penduduk juga dinasihatkan supaya tidak parkir kenderaan mereka di atas longkang berkenaan, ia juga boleh mengakibatkan longkang tersebut pecah," katanya.

Sebelum ini, Timbalan Ketua Biro Perkhidmatan dan Aduan Awam Gerakan, Ben Liew Pok Boon bersama penduduk membangkitkan isu penduduk di sini, yang berdepan masalah tanah mendap dan limpahan air longkang setiap kali hujan lebat.

Keadaan longkang yang berlubang sedalam satu meter itu turut mengundang kehadiran haiwan perosak dan berbisa.



MPAJ bakal melaksanakan kerja baik pulih longkang dalam masa terdekat.